

TERMA DAN SYARAT

PERLANJUTAN MEGA COMBO 2024

1. TEMPOH PERLANJUTAN PROMOSI

- Perlanjutan Promosi Mega Combo 2024 (“Perlanjutan Promosi”) bermula dari **1 August 2024 sehingga 30 September 2024**, kedua-dua tarikh termasuk. (“Tempoh Perlanjutan Promosi”).
- Bank Pertanian Malaysia Berhad (“Agrobank”) No. Syarikat 200801010522 (811810-U), berhak mengubah tempoh dan/atau tarikh mula dan/atau tarikh tamat Tempoh Promosi dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.

2. TERMA DAN SYARAT

- Yang berikut merupakan Terma dan Syarat yang terpakai kepada Promosi (“T&S”):

3. KELAYAKAN

- Promosi terbuka kepada semua **Pelanggan individu Agrobank yang baru dan sedia ada (“Pelanggan”)** yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:
 - Warganegara Malaysia, atau residen tetap, atau bukan warganegara yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai visa yang sah untuk tinggal di Malaysia tidak kurang daripada dua belas (12) bulan;
 - Mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah; dan
 - Berumur 18 tahun dan ke atas.
- Pelanggan hendaklah membuka akaun Fixed Return Islamic Account-*i* (“**FRIA-*i***”) atau Fixed Return Islamic Account-*i* 45Plus (“**FRIA-*i* 45Plus**”) bersama akaun AgroPrimaS (“**AgroPrimaS**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Akaun Produk**”) untuk Promosi ini.
- Kakitangan Agrobank tidak layak untuk menikmati kadar keuntungan dibawah Promosi ini (“**Kadar Keuntungan Promosi**”). Walau bagaimanapun, ahli keluarga dan saudara-mara kakitangan Agrobank berhak untuk menikmati Kadar Keuntungan Promosi.
- Kriteria kelayakan untuk Promosi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan untuk setiap Akaun Produk.

4. MEKANISMA PROMOSI

- Peletakan deposit ke dalam Akaun Produk hendaklah didebit daripada akaun simpanan Pelanggan dengan Agrobank.
- Nisbah peletakan deposit untuk Promosi ini ialah 70:30 untuk Akaun FRIA-*i* atau Akaun FRIA-*i* 45Plus dan akaun AgroPrimaS.
- Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan Promosi ini layak menikmati Kadar Keuntungan Promosi yang dinyatakan dalam jadual di bawah selama **dua belas (12) bulan**.

Tarikh Efektif Kadar Promosi Lanjutan Mega Combo 2024	Deposit Minima	Kadar Promosi		Kadar Keuntungan Efektif
		FRIA- <i>i</i> (70%)	AgroPrimaS (30%)	
Dari 1/8/2024 sehingga 24/8/2024	RM10,000*	4.91% p.a	0.25% p.a	3.51% p.a
Dari 25/8/2024 sehingga 30/9/2024	RM10,000*	5.17% p.a	0.25% p.a	3.69% p.a

- d) Jumlah minima peletakan deposit ke dalam Akaun Produk ialah RM10,000*. Dana baru adalah sangat digalakkan untuk Promosi ini.
(Nota: "Dana baru" ditakrifkan sebagai tunai, pemindahan antara bank (termasuk Interbank GIRO (IBG), pemindahan tunai segera dan DuitNow), dana baru yang diterima melalui pemindahan telegraf dari bank lain, cek tempatan atau cek bank yang dikeluarkan oleh bank lain)
- e) Kadar Keuntungan Promosi yang dinyatakan di dalam jadual diatas hanya terpakai untuk **satu (1) kitaran iaitu dua belas (12) bulan** dari tarikh peletakan deposit. Selepas mencapai tempoh matang, jumlah prinsipal akan secara automatik diperbaharui pada kadar papan semasa bagi tempoh yang sama.
- f) Kadar Keuntungan Promosi akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan Pelanggan di Agrobank pada tamat tempoh matang akaun.
- g) Pengeluaran separa atau sebahagian daripada Akaun Produk sebelum tamat tempoh matang adalah tidak dibenarkan
- h) Tiada Kadar Keuntungan Promosi akan dikreditkan sekiranya terdapat sebarang pengeluaran dilakukan daripada Akaun Produk sebelum tamat tempoh matang.
- i) Mana-mana Pelanggan yang tidak memenuhi syarat peletakan nisbah deposit di bawah Promosi ini tidak akan layak untuk mendapat Kadar Keuntungan Promosi yang ditawarkan di bawah Promosi ini.
- j) Bagi Pelanggan yang meletakkan deposit ke dalam Akaun AgroPrimaS, Pelanggan tersebut layak untuk mendapat mata penyertaan bagi Kempen Mega Million yang dianjurkan oleh Agrobank, tertakluk kepada terma dan syarat Kempen Mega Million tersebut.
**Tertakluk kepada Terma & Syarat*

5. PERUNTUKAN UMUM

- a) Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang dinyatakan di sini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh Agrobank yang berkenaan dengan Promosi ini.
- b) Untuk keterangan lanjut, Pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui saluran yang tertera di bawah:
- Pusat Talian Am Khidmat Pelanggan Agrobank 1-300-88-2476.
 - Layari laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my;
 - Kunjungi Cawangan Agrobank yang terdekat.
- c) Sebarang fi dan caj yang terlibat dalam Promosi ini hendaklah bergantung kepada ciri-ciri Produk yang dilanggan oleh Pelanggan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai fi dan caj di Cawangan Agrobank berdekatan.
- d) Segala T&S yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh Agrobank berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad dan konklusif. Agrobank tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat oleh Agrobank.
- e) Agrobank berhak untuk membatalkan, menggantung atau mengubah mana-mana T&S bagi Promosi ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum sebarang pembatalan, penggantungan dan perubahan tersebut berkuatkuasa. Notis tersebut akan dimaklumkan kepada Pelanggan melalui kaedah dan saluran yang dikenalpasti oleh Agrobank termasuk tetapi tidak terhad kepada pos, notis di cawangan Agrobank, melalui transaksi elektronik atau di dalam laman sesawang rasmi Agrobank di www.agrobank.com.my.
- f) Bagi sebarang pembatalan, penggantungan atau perubahan yang dibuat oleh Agrobank, Pelanggan tidak berhak untuk membuat sebarang tuntutan kepada Agrobank atau menerima sebarang pampasan daripada Agrobank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan.
- g) Jika terdapat sebarang keraguan munasabah, kesamaran, atau pertikaian yang melibatkan Promosi ini serta sebarang bahan pemasaran yang digunakan untuk Promosi ini, rujukan utama akan dibuat kepada T&S Promosi ini dalam versi Bahasa Melayu.